

Drpd:- Meliah Bint Talib,
(KP:2730607)
(Perut Bendar)
Kampong Astana Raja,
PO: Kota, N.Sembilan.

Kapada:-

Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau,
PO: Rembau, N.Sembilan.

Tarikh:- 29hb Nov 1975.

Perkara:- MENUNTUT PESAKA DATO' NARA, (Perut Bendar)

Yangamat Mulia Undang Dato' ;

Adalah Hamba Dato' seperti nama yang tercatet diatas, ingin Mengadap Kabawah Kaus Yangamat Mulia Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau, yang beradat dan bernika di-Balai Undang Luak Rembau.

Air nan jernih,
Tempurung nan cepat,
Saperti pohon di-tengah padang,
Urat-nya tempat bersandar,
Dahan-nya tempat bergantung,
Buah-nya untuk di-makan,
Daun-nya untuk berlindung,
Menghilang nan buruk,
Menimbul nan jernih,
Lubuk akal lautan budi.

1, Undang Dato' ;

Hamba Dato' merepahkan sembah kebawah Kaus Undang Dato' serta menyampaikan kemesyikilan, sabagaimana yang Hamba Dato' ketahui, bahawa pemilihan saorang Dato' Lembaga atau Datu-Dato' yang menyandang Adat Pusaka, seperti memilih Dato' Nara baru-baru ini, maka Hamba Dato' bagi pihak Perut Bendar, telah di-dapati seperti Hilang tak bercari 'Cicir tak berpungut' mengikut susunan peraturan Adat,

Kok hilang di-air, di-darat mencari,
Kok hilang di-darat, di-air mencari,
Kok kabar baik di-beri tahu,
Kok kabar buruk serentak di-ditanggi,
Kok jauh ingat mengingati,
Kok dekat temu menemui.

2, Undang Dato' ;

Oleh kerana lamanya Pusaka Dato' Nara yang di-kosongkan itu, maka, Hamba Dato' Meliah Bint Talib,(KP:2730607), tinggal di-Kampong Astana Raja, ia-itu anak kapada Tijah dan cucu kapada Timah, berasal dari Perut Bendar, berkewajipan mempertahankan Pusaka Adat Dato' Nara, seperti bak kata adut;

Adat bersaudara, saudara di-pertahankan,
Adat berkampung, kampong di-pertahankan,
Adat bersuku, suku di-pertahankan,
Adat berbangsa, bangsa di-pertahankan,
Adat berpusaka, pesaka di-pertahankan,
Sandar menyandar,
Saperti aor dengan tsbing,
Sehina semulia.

3. Undang Dato' ;

Nenek Perpateh nan sebatang,
 Pandai melukis eupak dan gantang,
 Renonglah tenong yang terenang,
 Penolak buatan datang.

Tanah Datar
 Meninggalnya Dato' Nara dari Perot ~~Nersek~~, selepas perot Bongek, maka sampailah masa-nya pula, Perot Bendar untuk mencari ganti-nya, oleh itu kebetulan-nya Hamba-hamba Dato' Perot Bendar, telah pun bersedia melantek dengan kebulatan Perot di-Bendar, memilih anak Hamba Dato' yang bernama: KAMARUZZAMAN BIN OMAR, KP: 205903, ia-itu cucu kepada Tijah, atau cieit kansa Timah (Perot Bendar), yang berkahwin dengan anak Suku Biduanda Bukit, di-kampong Sawah Raja, sebagai sifat-nya saorang waris perot bendar,

Kok genting nemutus,
 Liang nenebuk,
 Penakek pisau seurat,
 Ambil galah batang litsabong,
 Seludang jadikan nyiru,
 Yang setistik jadikan laut,
 Yang sekenal jadikan gunung,
 Alam terkembang jadikan guru,
 Hati gajah sama di-lapah,
 Hati kuman sama di-cecah,
 Bak telur sesangkar,
 Pecah sebuah, pecah semua-nya.

4. Undang Dato' ;

Dengan itu Hamba-hamba Dato' Perut Bendar menjunjung sabda dari Yangamat Mulia Dato' Sedia Raja, Undang Luak Rembau, berkabulatan menyembahkan Hamba Dato' bernama: KAMARUZZAMAN BIN OMAR, (KP:205903), ini, bagi menggantikan Dato' Nara, yang telah terkosong itu, dengan tidak ada batal-nya dari cacat cida, serta tidak membelaikangkan susunan peraturan adat luak Rembau ini,

Kelaut menuju alor,
 Kedarat menuju benar,
 Bertahun menuju musim,
 Mengikut susunan peraturan adat;
 Raja beralam,
 Penghulu berluak,
 Lembaga berlingkungan,
 Buapak beranak buah,
 Anak buah duduk bersuku,
 Raja jatuh terdiri,
 Penghulu jatuh terpekor,
 Lembaga jatuh bersela.

Undang Dato' ;

Dengan pengumuman Hamba-hamba Dato' ini, memohon izin serta menuntut maaf kebawah Kaus Undang Dato', kira-nya tersusun kata-kata yang tidak menyenangkan Yangamat Mulia Undang Dato'.

Assalamualaikum.



Yang benar Hamba Dato'
 (Meliah Bint Talib)
 KP: 2730609.